

Naib Canselor Pertama Dianugerah Ijazah Doktor Kehormat Oleh Universiti Kinki



Tan Sri (enam dari kanan) menunjukkan skrolnya bersama Puan Sri (lima dari kiri) dan Profesor Kumai (lima dari kanan) mengambil gambar kenangan.

Universiti Malaysia Sabah (UMS) sekali lagi mencatat sejarah apabila Naib Canselor pertamanya, Tan Sri Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat dalam Sains Pertanian oleh Universiti Kinki, Jepun.

Tan Sri menerima sijil ijazah tersebut daripada Presiden universiti itu, Dr. Hiroyuki Hata, pada 7 Mac 2005 di kampus universiti tersebut di Osaka, Jepun. Anugerah tersebut adalah yang pertama pernah dikeluarkan oleh Universiti Kinki.

Dalam ucapan penghargaannya, Tan Sri Prof. Dr. Abu Hassan berkata "*citation*" yang beliau terima bersama dengan anugerah itu menunjukkan betapa Universiti Kinki menghargai persefahaman penyelidikan akuakultur yang telah dijalin antara kedua-dua universiti.

"Dalam semua universiti di dunia yang telah menjemput saya, saya paling berbesar hati dengan anugerah yang diberikan oleh Universiti Kinki," kata beliau.

Menurut Tan Sri, Universiti Kinki adalah sebuah institusi terkenal dalam bidang akuakultur. Hubungan yang telah dijalin

telah mula menunjukkan hasilnya dengan pertukaran pelajar dan staf di antara kedua-dua universiti dan melalui usahasama penyelidikan.

Tan Sri berkata beliau yakin dengan peredaran masa, sinergi antara kedua-dua universiti ini akan bertambah kuat dan akan terus dapat menggembelngkan kejayaan-kejayaan yang dicapai.

Kata beliau, penganugerahan ijazah doktor kehormat ini merupakan satu inspirasi. Sebagai seorang yang mempunyai latar belakang sains sosial, beliau sentiasa memikirkan cara-cara untuk menyampaikan kepada masyarakat faedah-faedah yang diperolehi dari sesuatu penyelidikan.

Beliau juga percaya bahawa di samping mengajar dan menjalankan penyelidikan, ahli-ahli akademik hendaklah sentiasa membuka mata dan telinga kepada apa yang berlaku di sekitar mereka. "*'Peripheral vision'* inilah yang telah memperluaskan pengetahuan, visi, pemahaman dan kesediaan saya untuk berkomunikasi dengan masyarakat dunia," kata beliau.

Penganugerahan ijazah doktor kehormat tersebut amat '*timely*' atau bersesuaian waktunya, lebih kurang seminggu sebelum persaraan beliau pada 18 Mac 2005.